

Peningkatan KLCI bukti keyakinan pelabur: PM

BH - 13/1/2008

Malaysia terus jadi pilihan tubuh pangkalan perniagaan di Asean

Oleh Zulkofli Jamaludin, Azrina Ahzan dan Shaarani Ismail

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, penanda aras pasaran saham tempatan, Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) yang melepasi paras 1,500 mata buat pertama kali semalam menunjukkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi negara yang berkembang baik.

Perdana Menteri berkata, kejayaan indeks komposit mencapai paras tertinggi membuktikan ada keyakinan terhadap bursa saham dan ekonomi negara yang sedang berkembang maju.

"Lagipun, kita sentiasa menggalakan pelaburan asing di negara ini dan kerajaan akan terus menggalakannya menerusi pelbagai misi perdagangan di luar negara," katanya selepas menghadiri majlis Hari Keluarga Pejabat Perdana Menteri di pekarangan Seri Perdana di sini, semalam.

Majlis berkenaan dihadiri kira-kira 300 kakitangan Pejabat Perdana Menteri dan keluarga mereka serta ahli keluarga Abdullah iaitu anak dan menantunya, Nori dan Khairy Jamaluddin dan cucunya, Amira Badawi Kamaluddin, Alia Badawi Kamaluddin dan Jibreil Ali Jamaluddin, 4 bulan.

Abdullah turut mempelawa pelabur

asing yang berminat untuk menjadikan Malaysia sebagai pangkalan perniagaan dan pelaburan mereka di Asean yang mempunyai lebih 500 juta penduduk.

"Dalam pertemuan dengan pelabur asing di luar negara, saya sering mempelawa mereka untuk menjadikan Malaysia sebagai pangkalan mereka di Asean kerana kita mampu menawarkan persekitaran perniagaan yang kompetitif dan strategik," katanya.

Semalam akhbar melaporkan, Bursa Malaysia menunjukkan prestasi cemerlang dengan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI), melonjak 24.56 mata ke paras tertinggi baru 1,516.22 mata, manakala nilai dagangannya mencatat rekod RM4.355 bilion, pada penutup dagangan semalam.

Dalam dagangan cergas, KLCI yang dibuka pada 1,498.89 mata atau naik 7.23 mata berbanding 1,491.66 pada penutup Rabu lalu, berjaya melepasi paras 1,500 mata hanya dua minit selepas urusan niaga bermula.

Keseluruhan dagangan semalam memperlihatkan sejumlah 1.757 bilion unit saham bertukar tangan berbanding 1.646 bilion unit bernilai RM3.366 bilion pada penutup dagangan Rabu lalu.

Sementara itu, mengulas mengenai hasrat DAP untuk bertanding di beberapa kerusi Parlimen dan Dewan

Undangan Negeri di Pulau Pinang, Abdullah berkata, biarlah DAP dengan caranya sendiri dan kenaikan KLCI juga tidak ada kaitan langsung dengan ura-ura pilihan raya akan diadakan dalam masa terdekat.

Mengenai persiapan Barisan Nasional (BN) bagi menghadapi pilihan raya umum, beliau berkata, BN mempunyai keyakinan untuk memenangi pilihan raya umum akan datang berdasarkan kejayaannya membangunkan ekonomi negara, mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini serta memberi peluang pendidikan percuma kepada rakyat.

"Kita masih membuat persiapan, tetapi apa yang penting ialah keyakinan rakyat kepada kerajaan dan BN untuk terus memerintah memandangkan sebelum ini kita pernah berhadapan dengan keadaan ekonomi yang susah.

"Namun, saya berasa kejayaan BN mengekalkan pemerintahan di negara ini dapat membantu kita kerana kita sentiasa berusaha mengatasi masalah rakyat dan inilah resipi BN selama ini.

"Jadi saya minta rakyat supaya berfikir dengan betul kerana parti yang memerintah mempunyai kaitan dengan pembangunan dan masa depan kita," katanya.

Mengulas pemberian honorarium RM2,000 kepada kakitangan kerajaan,

Abdullah berkata, beliau menyerahkan kepada Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan untuk berbincang mengenai permohonan itu dengan Cuepacs.

DI KUALA TERENGGANU, Datuk Seri Najib Razak, berkata peningkatan indeks komposit itu mencerminkan asas ekonomi Malaysia mantap dan keyakinan pelabur tempatan dan asing terhadap Bursa Malaysia adalah tinggi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kenaikan itu membuktikan faktor domestik dan pengukuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat boleh menyebabkan harga saham meningkat.

"Pencapaian ini dapat melepasi halangan psikologi daripada 1,400 sebelum ini kepada 1,500 mata, kesan kenaikan harga minyak sawit mentah yang melebihi RM3,000 setan.

"Peningkatan ini juga menampakkan bahawa Bursa Malaysia tidak terikat sangat dengan bursa saham di Amerika Syarikat dan tempat lain," katanya pada sidang media selepas menemui pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN), di sini, semalam.

Najib berkata, peningkatan itu juga menunjukkan pelabur asing lebih suka melabur di negara mempunyai mata wang kukuh dan mencerminkan keyakinan dunia kepada Malaysia.